



PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC) TAIPING
KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), serta Sijil Taraf Bumiputera (STB), adalah dipelawa untuk menyertai tawaran sebut harga berikut:

BIL	NO. SEBUT HARGA/ TAJUK SEBUT HARGA	KELAYAKAN BIDANG	TARIKH & MASA (TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK)	TARIKH DAN MASA TUTUP
1.	ADTEC/TAIPING/TS/72 KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN SISTEM PENYAMAN UDARA JENIS AIR COOLED PACKAGE UNIT (ACPU) DAN AKSESORI SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI MAKMAL FABRICATION CLEANROOM DAN MAKMAL PACKAGING MIKROELEKTRONIK PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC) TAIPING, JABATAN TENAGA MANUSIA ** HARGA INDIKATIF JABATAN ADALAH RM80,000.00	i. Berdaftar dengan CIDB (Gred G1) ii. Pengkhususan (M01) iii. Larut, Matang & Selama, Perak	20 MEI 2024 (ISNIN) 9.00AM TEMPAT: OPEN LOBI, ADTEC TAIPING PENDAFTARAN: 8.30am - 9.00am	27 MEI 2024 (ISNIN) 12.00 TGH

2. Dokumen Tawaran akan diedarkan secara '**hard copy**' pada **TARIKH DAN MASA** yang telah ditetapkan. Dokumen tawaran adalah **SULIT** dan **TERHAD** kepada pembekal yang **BERDAFTAR MENGIKUT KELAYAKAN BIDANG SEPERTI TERTERA DI ATAS DAN MENGHADIRI SESI TAKLIMAT SERTA LAWATAN TAPAK**. Tiada apa-apa bayaran dikenakan untuk Dokumen Tawaran.
3. Hanya penama pada Sijil Pendaftaran CIDB sahaja yang **LAYAK** menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak, bagi sebut harga ini. Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai/individu selain daripada penama berdaftar. Syarikat yang **tidak hadir** atau **lewat** tidak akan dibenarkan menyertai sebut harga ini. Syarikat perlu membawa sijil asal DAN salinan Sijil Akuan Pendaftaran (CIDB, PPK, SPKK dan STB), semasa mengambil Dokumen Tawaran. Salinan sijil **tidak akan dikembalikan**.
4. Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang disediakan di **Pejabat Pentadbiran ADTEC Taiping** pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan di atas. ADTEC Taiping tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan dan kehilangan mana-mana tawaran yang dihantar melalui pos.
5. Keputusan Sebut Harga adalah muktamad dan diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Tenaga Manusia serta tidak terikat dengan tawaran harga yang terendah atau mana-mana tawaran.
6. Sebarang pertanyaan berhubung dengan sebut harga ini tuan/puan bolehlah menghubungi **Bahagian Penyelenggaraan & Pengurusan Aset (BPPA)** di talian no: **05-8012600**.


(Ts. Hj. ZULKIFLE BIN OMAR)

Pengarah,
Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Taiping
Perak Darul Ridzuan

Tarikh: 13 Mei 2024